



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	30/6/2021	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

Musnah Musang King

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

**PHD Raub lancar operasi di ladang haram
seluas 12 hektar babit pelbagai jenis tanaman**

Raub

Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub memusnahkan tanaman pisang dan durian klon Musang King dipercayai diusahakan tiga individu di kawasan seluas lebih 12 hektar secara haram di Kompartmen 48, Hutan Simpan Kelau, di sini, kelmarin.

Turut dimusnahkan ialah pelbagai pokok buah-buahan seperti nangka, cempedak dan petai yang ditanam secara berperingkat terbabit.

Pegawai PHD Raub, Shahril Mohamad berkata, operasi musnah bermula jam 9 pagi disertai 30 kakitangan membabitkan Unit Tindakan Khas (UTK) Raub dan Unit Penguatkuasa (UPK) Zon Pahang Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan pengawasan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub.

Menurutnya, siasatan mendapati terdapat lebih 4,000 pokok pisang pelbagai jenis yang sudah mengeluarkan hasil dan 350 durian Musang King berusia antara enam bulan hingga tiga tahun.

Katanya, pihaknya turut



PENGUAT kuasa PHD Raub memusnahkan tanaman yang diusahakan secara haram di Kompartmen 48, Hutan Simpan Kelau, kelmarin.

meroboh pondok atau rumah kongsi sementara dipercayai tempat tinggal individu dan pekerja ladang berkenaan.

"Kami tidak menemui in-

dividu dalam kawasan ladang kerana mereka dipercayai sudah meninggalkan tempat itu sebelum serbuan dilakukan.

"Operasi pemusnahan la-

dang haram bermula semalam (kelmarin) dijangka mengambil masa selama empat hingga lima hari," katanya.

Menurutnya, usaha memusnahkan tanaman berkenaan mengambil masa panjang kerana mereka yang terbabit dalam operasi itu menggunakan parang untuk menebang lebih 4,000 pokok pisang dan durian Musang King bersaiz kecil.

Katanya, kedudukan ladang haram berkenaan bersebelahan Lebuhraya Central Spine Road (CSR) yang dalam pembinaan seolah-olah menjadi 'pelindung' kepada individu terbabit melakukan kesalahan itu.

"Tiga individu berkenaan dipercayai menjadi dalang meneroka kawasan terbabit yang terletak dalam Hutan Simpan Kelau, dan mereka seolah-olah degil serta cuba mencabar kerajaan negeri dan JPNP.

"Kita tidak akan berkompromi dengan individu yang bertindak mencero-boh hutan simpan di daerah ini dan tindakan dibuat mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.

